

Sekitar JPA

Kupasan Perjalanan Transformasi JPA

Edisi 13: 1—15 Ogos 2015



MENARIK DI DALAM

- Karnival
1Pesara@Sarawak3
- Majlis Pelancaran Bulan
Kebangsaan & Kempen
Kibar Jalur Gemilang
20155
- Sambutan Jubli Emas
SMK Sri Muda7



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2015 KOMPLEKS C

13 OGOS 2015 - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama kementerian-agensi sekitar Kompleks C iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perangkaan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan TH Properties telah bekerjasama menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2015 dengan tema "Semarakkan Aidilfitri@Kompleks C".

Majlis yang dilaksanakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ini dihadiri oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wilfred Madius Tangau, Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai dari seluruh Kompleks C dan juga sekitar Putrajaya.

Majlis ini telah diserikan dengan persembahan nyanyian dan tarian daripada artis-artis budaya Kompleks C. Kehadiran istimewa dalam sambutan pada kali ini ialah artis jemputan yang tidak asing lagi, iaitu Dato' Hattan dan Encik Rahim Maarof yang telah mendendangkan beberapa buah lagu popular mereka kepada para hadirin.

Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal mengambil kesempatan untuk menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak warga penjawat awam dari taska dan tadika di sekitar JPA serta pegawai-pegawai yang kelainan upaya sebagai tanda kasih dan prihatin Jabatan.

Majlis ini ternyata amat meriah dengan hidangan pelbagai jenis makanan, minuman dan buah-buahan. Majlis turut dibanjiri oleh warga perkarangan Kompleks C serta penjawat awam di sekitar yang tidak ingin ketinggalan untuk bersama-sama meraikan Syawal yang mulia ini.





PERJUMPAAN YAB PM BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI

Pada 3 Ogos 2015, telah berlangsung Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Perdana, JPM, Putrajaya. Dalam ucapan beliau, YAB Perdana Menteri telah menyeru penjawat awam untuk membantu meningkatkan rasa percaya rakyat terhadap Kerajaan dengan menggunakan media sosial. Mengambil kira keadaan semasa, berlakunya defisit keyakinan rakyat terhadap Kerajaan. Penjawat awam mempunyai tanggungjawab untuk membantu meningkatkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan dengan membantu menangani perang persepsi politik menerusi media sosial di mana persepsi adalah lebih kuat daripada realiti.

Selain itu, Negara menerima perkhabaran gembira apabila dua syarikat penarafan kredit antarabangsa telah memberi penilaian yang positif kepada Malaysia. Standard & Poor's telah mengekalkan penarafan kredit dalam pelbagai kategori 'A' penarafan kredit jangka pendek dan jangka panjang bagi Malaysia. Pada awal bulan Julai 2015 pula, pengumuman penarafan terbaru oleh Fitch Ratings telah menaikkan unjuran Malaysia daripada negatif kepada 'Stabil'. Agensi itu mengekalkan penarafan mata wang asing jangka panjang negara pada 'A-'.

Pengekalan dan peningkatan prospek dari agensi-agensi ini membuktikan bahawa langkah-langkah kewangan dan ekonomi yang dilaksanakan Kerajaan adalah berkesan dan dasar yang baik. Ini sekaligus meletakkan Malaysia pada asas ekonomi yang kukuh dan berada di landasan yang betul, dalam usaha menuju sebuah negara High Income Advanced Economy menjelang tahun 2020.

PERTANDINGAN AKHIR PIDATO ANTARABANGSA BAHASA MELAYU (PABM) PIALA PERDANA MENTERI 2015



Pada 8 Ogos 2015, telah berlangsung Pertandingan Akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2015 di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Pertandingan ini telah menghimpunkan pemedato terbaik dari pelbagai negara.

Bagi tahun ini, seramai 71 peserta dari enam benua iaitu Amerika Utara, Amerika Selatan, Eropah, Asia, Afrika dan Oceania telah menyertai PABM 2015. Pertandingan ini terbahagi kepada tiga kategori dengan 10 peserta mengambil bahagian dalam Kategori Alam Melayu, 40 peserta Kategori Antarabangsa dan 21 peserta Kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia (PAM).

Dalam ucapan beliau, YAB Perdana Menteri menekankan akan kepentingan menyebarkan penggunaan dan pengaruh Bahasa Melayu di arena antarabangsa, dan penganjuran program sebegini sememangnya salah satu platform yang berkesan.

Joshua Parfitt dari United Kingdom yang dinobatkan sebagai juara kategori antarabangsa pertandingan pada tahun ini telah menyifatkan bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa yang mudah untuk dipelajari dan seharusnya rakyat Malaysia berbangga untuk berkomunikasi menggunakan bahasa ibunda mereka.



MAJLIS PERASMIAN 1PESARA@SARAWAK

4 OGOS 2015 – Karnival 1Pesara@Sarawak 2015 merupakan program anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak yang julung-julung kalinya diadakan di Sarawak. Ia diadakan bertujuan untuk mendekati golongan pesara dan bakal pesara sektor awam dan memaklumkan tentang program-program inisiatif 1Pesara seperti pengurusan kewangan dan pembangunan keusahawanan/ francais, kelangsungan kesihatan dan panduan bekerja semula bersesuaian dengan tema pada kali ini “Pesara Sejahtera, Generasi Terpelihara”.

1Malaysia Civil Service Retirement Support atau dikenali sebagai 1Pesara di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri telah dimandatkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 23 Januari 2014. Selaras dengan pendekatan NBOS iaitu berimpak tinggi, kos yang minimum dan pelaksanaan pantas. Inisiatif 1Pesara ini diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan dilaksanakan bersama tiga rakan strategik utama iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia. Selain itu, inisiatif 1Pesara ini juga turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai Agensi Persekutuan, Negeri dan pihak Swasta.

Karnival 1Pesara@Sarawak merupakan satu program bitara di bawah inisiatif 1Pesara. Lebih 2000 orang telah hadir pada program kali ini yang terdiri daripada pesara, bakal pesara yang akan bersara dalam tempoh lima tahun, penjawat awam dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Veteran Angkatan Tentera Malaysia. Sehubungan itu, pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada semua pengunjung yang hadir antaranya Seminar Persediaan Persaraan, Pameran Agensi Kerajaan dan Swasta, Pusat Transformasi Komuniti Bergerak, Seminar 1Malaysia Entrepreneur, Perkhidmatan Saringan Kesihatan dan Klinik Bergerak, Padanan Kerjaya, Jualan Produk Industri Kecil Sederhana dan Tempatan, Program #1PesaraVolunteers dan banyak lagi.

Selain itu, satu inisiatif NBOS baharu yang diperkenalkan pada penganjuran kali ini adalah Program Kesukarelawan Senior yang merupakan platform untuk pesara dan warga emas mengambil bahagian dalam pelbagai program dan aktiviti berbentuk kesukarelawanan bagi membolehkan mereka menyumbangkan semula tenaga, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki kepada masyarakat. Jabatan Perkhidmatan Awam berharap melalui penganjuran Karnival 1Pesara ini dapat menyalurkan maklumat dan pengkongsian ilmu bersama pesara dan bakal pesara untuk merancang masa hadapan yang lebih cemerlang serta mewujudkan jaringan keharmonian di kalangan pesara dan kerajaan yang lebih produktif.



PERHIMPUNAN BULANAN JPA BAGI BULAN OGOS



Pada 7 Ogos 2015 telah berlangsung Perhimpunan Bulanan JPA bagi bulan Ogos, anjuran Bahagian Transformasi Sektor Awam, JPA dengan tema “Sehati Sejiwa, Buat yang Terbaik untuk Negara”.

Dalam ucapan amanat Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), beliau menekankan tentang penggunaan media sosial yang berhemah dan bijak hati. Mengambil kira isu semasa di mana fitnah sedang berleluasa dan banyak maklumat disebarikan tanpa sumber yang sahih, warga JPA dinasihatkan agar menyebarkan dan berkongsi perkara-perkara baik dan memperatkan hubungan silaturrahim menggunakan media sosial.

Selain itu, Tan Sri KPPA juga mengingatkan agar warga JPA sentiasa kekal taat setia kepada Negara dan mengikut peraturan dan akujanji Perkhidmatan Awam. Warga JPA juga digesa untuk fokus terhadap tugas yang diamanahkan dan menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi kerana segala cabaran akan mampu diatasi jika penjawat awam pelbagai peringkat bekerjasama dalam ikatan yang kukuh.

Perhimpunan telah diakhiri dengan nyanyian lagu patriotik dan kibaran Jalur Gemilang oleh semua warga JPA.

KONVENSYEN AKRAB KEBANGSAAN KALI KE—6 TAHUN 2015

Pada 10 Ogos 2015 telah berlangsung Konvensyen AKRAB-Kebangsaan kali ke 6 Tahun 2015 di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru. Konvensyen pada kali ini diadakan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, ahli AKRAB Negeri Johor, Majlis AKRAB Kebangsaan dan Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA. Tema “AKRAB Prihatin Pemangkin Transformasi” dipilih sebagai tema konvensyen pada kali ini merupakan satu tema yang tepat dan bersesuaian dengan tuntutan masa kini.

Dalam ucapan beliau, Dato’ Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), JPA berkata bahawa sikap sedia untuk membantu, mengambil berat dan prihatin dalam diri penjawat awam menjadi elemen yang penting bagi membentuk perhubungan yang harmoni dan sejahtera dalam organisasi. Ia secara tidak langsung akan membentuk nilai-nilai yang positif dan penting dalam pembangunan diri setiap individu.

Keharmonian, kesejahteraan dan rasa seronok yang wujud dari interaksi yang positif ini pula akan memberi impak yang positif ke atas sebarang usaha penambahbaikan perkhidmatan awam yang sedang dilaksanakan melalui inisiatif transformasi.

Sejak AKRAB dilaksanakan pada tahun 2005 sehinggalah tahun 2014, seramai 9,275 orang penjawat awam telah ditauliahkan sebagai Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB). Ia merangkumi keahlian dari 26 kementerian; 54 jabatan dan pejabat setiausaha negeri; dan 42 badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan.



MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN & KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG 2015

14 OGOS 2015 - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Kementerian dan Agensi sekitar Kompleks C, Putrajaya telah menganjurkan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2015 bagi Penjawat Awam di Peringkat Kompleks C. Majlis pelancaran ini merupakan kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2015 Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 10 Ogos 2015 tempoh hari.

Sehubungan itu, inisiatif ini diambil bagi menyemarakkan semangat patriotisme sempena Sambutan Hari Kebangsaan melalui Kempen Kibar Jalur Gemilang di kalangan penjawat awam khususnya. Selain itu, ia juga dapat membentuk semangat jati diri dan cintakan negara dalam diri individu yang hadir.

Pada tahun ini tema “Malaysia #sehatisejiwa” merupakan cerminan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat kepada Malaysia negara tercinta. Tema ini juga berperanan untuk menggerakkan dan menyemarakkan perasaan kasih dan sayang serta hormat menghormati antara satu sama lain. Ia turut meneguhkan lagi semangat patriotisme yang menjadi tunggak dan tiang seri kepada keharmonian dan perpaduan bangsa Malaysia. Malaysia #sehatisejiwa adalah titian hubungan yang jauh di dekatkan dan ukhuwah dipereratkan.

Salah satu pengisian pada majlis ini adalah penyerahan bendera oleh Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Dato' Jalil Marzuki, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) sebagai wakil JPA, seterusnya kepada Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI), Datin Paduka Zauyah Be T. Loth Khan, Ketua Pengerusi Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri, Puan Lim Mooi Eia, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Tuan Ir. Rosland Abd. Ghani, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Wilayah Persekutuan Putrajaya.



PERJUMPAAN KSN BERSAMA DATUK BANDAR & YANG DIPERTUA PBT



Pada 11 Ogos 2015, telah berlangsung Perjumpaan Ketua Setiausaha Negara (KSN) bersama Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Hotel Pullman, Putrajaya. Perjumpaan ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan aspirasi Kerajaan terhadap PBT dalam menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat.



Dalam ucapan beliau, Tan Sri KSN menekankan akan tumpuan utama yang harus diberikan kepada usaha meningkatkan produktiviti melalui transformasi Perkhidmatan Awam. Bab 9 dalam Rancangan Malaysia ke 11 (RMKe-11) menggariskan dua fokus utama berkaitan produktiviti yang menyentuh secara langsung dengan peranan PBT. Tan Sri KSN menyambung bahawa beliau berharap agar Datuk Bandar dan YDP dapat meneliti dan menghayati strategi yang telah digariskan di dalam RMKe-11 ke arah menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan PBT masing-masing kepada rakyat.



PBT juga diingatkan agar bertanggungjawab secara langsung untuk menyediakan kemudahan infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi di kawasan masing-masing. Harapannya agar setiap PBT dapat melaksanakan projek yang telah dirancang agar menepati spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan.

Akhir sekali, Tan Sri KSN menyeru agar semua PBT sentiasa pro-aktif dan responsif dalam meneruskan usaha-usaha kecemerlangan yang telah dijalankan selama ini kerana peranan PBT amatlah penting sebagai pengantara utama Kerajaan dengan rakyat.

SEMARAK AIDILFITRI PPTD 2015



Pada 14 Ogos 2015 telah berlangsung Semarak Aidilfitri Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) 2015 di Ruang Legar Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya. Program bertemakan 'Negara Dicintai Ukhuwah Dirai' ini turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri dan isteri, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato' Seri Zainal Rahim Seman, Presiden PPTD yang juga Ketua Pengarah MAMPU, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, dan Ketua-ketua Jabatan Agensi.

Program pada kali ini telah dihadiri lebih daripada 500 orang ahli PPTD serta ahli keluarga mereka. Sebanyak 50 cabutan bertuah disediakan kepada semua ahli yang hadir. YAB Perdana Menteri dan isteri turut mengambil kesempatan untuk memberikan duit raya kepada anak-anak ahli PPTD yang hadir.

PERASMIAN HARI KEMUNCAK KOKURIKULUM DAN SAMBUTAN JUBLI EMAS SMK SRI MUDA, PENAGA, PULAU PINANG



Pada 15 Ogos 2015, telah berlangsung Hari Kemuncak Kokurikulum dan Sambutan Jubli Emas SMK Sri Muda, Penaga, Pulau Pinang. SMK Sri Muda merupakan *alma mater* Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Turut hadir dalam program ini ialah Tan Sri Dr. Madinah Mohamad, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia. Penganjuran program sebegini menyediakan wadah atau platform yang mempertemukan alumni SMK Sri Muda, para guru, pelajar dan komuniti setempat ke arah meningkatkan kerjasama dan menjalin semangat ukhwaah dalam kalangan mereka.

Dalam ucapan perasmian beliau, Tan Sri KPPA berkongsi pengalaman bersekolah sewaktu remaja dengan para hadirin. Tan Sri berasa gembira kerana guru-guru beliau, juga sahabat-sahabat lama hadir dalam majlis ini. Tan Sri KPPA berpesan kepada alumni-alumni sekolah untuk terus menyumbang kepada pihak sekolah sama ada dari segi tenaga dan kepakaran, wang ringgit atau sokongan terhadap program yang dilaksanakan. Tan Sri KPPA juga memuji para guru dan pendidik di sekolah yang seharusnya berasa bangga dengan kejayaan mereka yang banyak membentuk para pelajar menjadi ahli masyarakat yang banyak menabur bakti membangunkan anak watan dan memajukan ibu pertiwi.

Dalam ucapan beliau, Tan Sri KPPA juga telah mengumumkan, Sekolah Kebangsaan Sri Muda menjadi anak angkat kepada Institut Tadbiran Awam Negara Wilayah Utara (INTURA). INTURA merupakan antara institusi latihan awam yang dilengkapi dengan fasiliti seperti iLead Park adalah sangat sesuai untuk membangun dan melatih pemimpin-pemimpin muda seperti pelajar-pelajar sekolah.

Dalam sambutan ini juga, Galeria Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal telah dirasmikan. Galeria ini ditubuhkan bagi menempatkan koleksi gambar dan memorabilia bekas pelajar sekolah sejak awal penubuhan. Penghormatan diberikan kepada Tan Sri KPPA apabila nama beliau dipilih sebagai nama galeria bagi menghargai dan mengiktiraf kejayaan terbaik bekas pelajar SMK Sri Muda. Selain itu, Tan Sri KPPA juga merasmikan gelanggang futsal sekolah dan perhentian bas di hadapan sekolah. Kedua-dua kemudahan ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh para pelajar sekolah kelak.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI JABATAN PERDANA MENTERI

Pada 5 Ogos 2015, YAB Perdana Menteri telah menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Sambutan yang bertemakan "Syawal@JPM: Di sini Kasih Bersemi" turut dihadiri YB Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dan Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Selain 13 gerai makanan yang disediakan oleh Pejabat Anggota Pentadbiran bersama Jabatan/Agensi di JPM, turut diadakan juga kempen derma darah bersama Pusat Darah Negara (PDN), Pertandingan Booth Terbaik, Pertandingan JPM Idol dan Booth Jualan dan Aktiviti Jabatan/Agensi serta korporat. YAB Perdana Menteri juga menyampaikan sumbangan duit raya kepada 15 orang anak yatim warga JPM dan sumbangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berjumlah RM15,000.00 kepada Rumah-Rumah Kebajikan.

MAJLIS HARI RAYA MAKSWIP 2015



Pada 6 Ogos 2015, telah berlangsung Majlis Hari Raya MAKSWIP 2015 di Rumah MAKSWIP, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur.

Program pada kali ini telah dihadiri lebih daripada 300 orang ahli serta keluarga mereka. Cabutan bertuah turut disediakan kepada semua ahli yang hadir. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Yang Dipertua MAKSWIP dan isteri, Puan Sri Asmahan Ismail turut mengambil kesempatan untuk memberikan duit raya kepada anak-anak yatim yang dijemput hadir.



Dalam ucapan beliau, Tan Sri telah berpesan kepada semua ahli agar meneruskan penganjuran program yang merapatkan muhibah antara ahli-ahli, serta aktif menjalankan tugas berpersatuan. Tan Sri juga berpesan untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti sukan dan kebajikan yang memberikan faedah dan impak yang tinggi kepada ahli. Di samping itu, agar terus memberi sokongan kepada MAKSWIP demi faedah kakitangan kerajaan di Wilayah Persekutuan.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Blok C1-C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia | Telefon: 603 8000 8000

Sumbangan Berita: Warga JPA | Penerbitan: Pasukan Komunikasi | Percetakan: Unit Dokumentasi, JPA



www.jpa.gov.my



Jabatan Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan Perkhidmatan Awam



jpa2day